

UMP Anjur Program Keberkatan dan Kecemerlangan Bekerja



Kuantan, 14 September – Lebih 70 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada pelbagai jabatan menyertai Program Keberkatan dan Kecemerlangan Bekerja Menurut Perspektif Islam anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Gambang, Kuantan baru-baru ini.

Bagi Timbalan Pendaftar BLPK, Hazmin Aris, program ini dikendalikan oleh penceramah luar dari Asia Global Marketing & Consultant yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, motivasi dan kerja secara berpasukan.

“Program ini dilengkapi dengan sesi perbincangan dan pembentangan bagi membolehkan peserta program bebas memberikan pandangan dan cadangan terhadap perkara-perkara yang disampaikan oleh penceramah dan para peserta. Ianya bertujuan meningkatkan kefahaman kepada warga kerja UMP berkenaan keperluan dalam membudayakan konsep kecemerlangan bekerja melalui penghayatan dan pelaksanaan nilai-nilai murni Islam yang universal,” katanya.

Penceramah, Ustaz Hj. Muhammad Mukmin Hj. Mukhtaruddin berkata, peserta program telah memberikan komitmen yang sangat baik bagi menjalani program atau kursus selama satu hari kerana mereka sentiasa aktif memberikan pandangan, cadangan dan komen bagi setiap tajuk program yang disampaikan.



Beliau yakin pihak pengurusan universiti sentiasa berusaha dalam menerapkan budaya kerja cemerlang untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan dan pemegang taruh di UMP.

Menurut peserta kursus, Mohd Badwi Yunus dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) berkata, menerusi program ini kita dapat memahami dengan lebih jelas berkenaan konsep kerja sebagai ibadah dan kaitannya dengan penghasilan prestasi kerja yang cemerlang.

Katanya, selama ini kita melaksanakan tuntutan agama dengan berdisiplin seperti solat fardu lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, membayar zakat mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan sebagainya tetapi kebanyakan kita tidak menterjemahkannya dalam tugas dan kerja yang dilaksanakan. Program ini sangat berfaedah dalam memastikan nilai-nilai murni dapat dijadikan amalan berterusan dalam kehidupan seharian dan terhadap pekerjaan yang dilaksanakan.

Begitu juga dengan pandangan rakannya, Jasrul Izwan Jaafar Sidek dari FTeK, pencerahan yang disampaikan juga dapat menghayati falsafah dan ajaran Islam yang selari dengan keperluan menjadi insan untuk terus cemerlang.

Berita dan gambar disediakan Mohd. Ruzaini Hashim dari BLPK

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 23-09-2015, 14:40:09